

U. MALAYSIA

14/4/09 :

UPM tingkat kerjasama IPTA-IPTS

SERDANG 13 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan enam institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam usaha meluaskan lagi peluang pendidikan di negara ini.

Kolej-kolej tersebut adalah Kolej Teknologi Antarabangsa, Kolej Teknologi Timur, Kolej Shahputra, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Uniti dan Kolej Risda.

Pengarah Pusat Pendidikan Luar (PPL) UPM, Prof. Dr. Abd Aziz Saharee berkata, MoA tersebut diharap mampu menghasilkan graduan yang berkualiti setanding dengan graduan UPM dan membantu IPTS terbabit menerap budaya akademik yang cemerlang.

“Program ini bertujuan membuka peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk melanjutkan pengajian tinggi di samping menggalakkan penawaran program akademik secara jarak jauh dan program kerjasama dengan IPTS,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, UPM dan PPL sentiasa memantau proses pembelajaran serta kualiti pengajaran bagi program berkenaan melalui badan khas yang dilantik oleh senat UPM untuk memastikan mengikut standard yang ditetapkan.

“UPM akan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi,” jelasnya.